



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD RAZI BIN CHE WIL
TOK JUARA DIKIR BARAT

OLEH:

WAN NURFITRI ATHIRAH BINTI WAN A.AZLAN	2020897162
WAN NURSYAZA AINAA BINTI WAN MAZRI	2020834192

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD RAZI BIN CHE WIL
TOK JUARA DIKIR BARAT

OLEH:

WAN NURFITRI ATHIRAH BINTI WAN A.AZLAN 2020897162
WAN NURSYAZA AINAA BINTI WAN MAZRI 2020834192

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim. Alhamdullilah pertama sekali syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat dariNya disamping berkat kesabaran, usaha, tenaga dan masa yang telah kami curahkan dengan sepenuh hati, akhirnya kami telah berjaya menyiapkan Projek untuk Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) dengan jayanya.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604, Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak mencerahkan segala ilmu dan memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang proses menyiapkan projek ini. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau kami telah pratikkan sebaik mungkin dan kami amat menghargainya.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Razi Bin Che Wil diatas kesudian beliau untuk ditemu ramah, memberikan kerjasama yang amat baik serta berkongsi pandangan dan pengalaman beliau dalam bidang Dikir Barat yang amat bermakna buat kami.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa kami serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu kami dari segi memberikan tunjuk ajar, dorongan dan sokongan moral sepanjang kami menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga daripada kami. Akhir kata, terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa insan- insan yang terlibat ini, sukar untuk kami menyiapkan projek ini dengan jayanya. Terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Lagenda Dikir Barat Negeri Kelantan iaitu Mohd Razi Bin Che Wil atau lebih dikenali sebagai Rozi Kemang Berduri. Temubual ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut tentang pandangan beliau terhadap keunikkan dan keistimewaan di sebalik Dikir Barat. Hal ini kerana, persembahan dikir barat ini tidak luput ditelan zaman dan sehingga kini, dapat dilihat Dikir Barat masih menjadi simbolik atau tarikan di Negeri Kelantan. Namun dengan adanya dikir barat moden, kedudukan seni budaya Dikir barat menjadi goyah. Temubual ini dijalankan di rumah beliau di Jalan Kampung Laut 2, Kelantan. Mohd Razi Bin Che Wil merupakan salah seorang penggiat seni dikir barat sebagai Tok Juara iaitu dalam bidang nyanyian. Oleh yang demikian sepanjang bergelar Tok Juara, banyak dan pelbagai lagu yang dinyanyikan dan dihasilkan oleh beliau. Lagu -lagu beliau juga masih menjadi pilihan generasi muda untuk dinyanyikan dalam persembahan Dikir Barat. Tambahan pula, sebagai seorang lagenda penggiat seni dikir barat yang telah dianugerahkan "Ikon Tok Juara" di Malam Himpunan Dikir Barat 2022 oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKNK) serta kerjasama Persatuan Dikir Barat Negeri Kelantan (PENDIKIR), pandangan beliau berkaitan dengan keunikkan dan keistimewaan disebalik dikir barat ini amat berharga, dan temubual ini juga sekaligus akan tertumpu kepada latar belakang dan sumbangan beliau di dalam Dikir Barat. Temubual ini akan memberikan pengetahuan yang dapat membuka minda generasi muda untuk memartabatkan lagi budaya Dikir Barat yang sedia ada bukan sahaja di Negeri Kelantan, malah di negeri-negeri seluruh Negara kita Malaysia.*

Kata kunci: *Rozi Kemang Berduri, Dikir barat, Keunikan, Keistimewaan, Dikir Barat Moden*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Lagenda Penggiat Seni Dikir Barat.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Dikir Barat dan Pengalaman Lagenda Dikir Barat.....	07
Bahagian 3: Pandangan Seorang Lagenda Penggiat Seni Dikir Barat.....	32
Bahagian 4: Anugerah. Dan Harapan.....	44
Rujukan.....	49
Lampiran	
Log Wawancara.....	50
Diari Kajian.....	64
Senarai soalan.....	67
Surat Perjanjian.....	74
Gambar.....	75
Indeks.....	76

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Mohd Razi Bin Che Wil
Tarikh Lahir	1971
Tempat Lahir	Setiu, Terengganu
Alamat	Kampung Laut, Kelantan
No Telefon	
Nama Gelaran	Rozi Kemang Berduri
Bidang	Tok Juara Dikir Barat

PENGENALAN

PENGENALAN

Dikir Barat merupakan sejenis persembahan yang biasanya dipersembahkan secara berkumpulan. Seorang Tukang Karut iaitu ketua dan Tok Juara akan mengetuai nyanyian, dan awak-awak akan menjadi suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Alat muzik popular yang digunakan dalam persembahan jenis ini termasuk rebana ibu dan anak dan tetawak.

Dikir Barat merupakan sejenis hiburan rakyat yang popular di banyak negara. Ia biasanya dilakukan oleh sekumpulan sekitar 15 hingga 25 orang dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemuzik yang memainkan alat dan penyanyi yang menyanyikan lagu tersebut. Dikir barat adalah tradisi perayaan yang telah menjadi popular di pelbagai bahagian dunia. Ia adalah satu cara untuk menyatukan manusia dan mewujudkan masyarakat yang harmoni. Dahulu, ia penting dan berkembang di kampung dan kampung, tetapi kini ia menjadi popular di bandar-bandar juga. Ia sering digunakan dalam upacara dan acara, malah ia dilakukan di peringkat antarabangsa.

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Encik Mohd Razi Bin Che Wil. Encik Mohd Razi Bin Che Wil adalah salah seorang Tok Juara dalam bidang seni Dikir Barat. Selain itu, beliau juga dikenali oleh ramai penggiat seni Dikir Barat dan juga warga Malaysia oleh kerana beliau telah membuat persembahan di pelbagai buah negeri di Malaysia antaranya adalah Kelantan, Johor, Kedah, Pahang dan beliau juga pernah membuat persembahan di luar negara iaitu di Thailand dan Singapura.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, sumbangsan serta pandangan keunikan dan keistimewaan seorang tokoh dalam bidang dikir barat. Bersama-sama kami ialah Mohd Razi Che Wil yang merupakan seorang lagenda penggiat seni dikir barat. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 29 Disember 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 3.00 petang bertempat di rumah beliau di Jalan Kampung Laut 2, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Wan Nurfitri Athirah Binti Wan A. Azlan dan Wan Nursyaza Ainaa Binti Wan Mazri.

Petunjuk:

WNA: Wan Nurfitri Athirah
WNSA: Wan Nursyaza Ainaa
PR: Pakcik Rozi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG LAGENDA PENGGIAT SENI DIKIR BARAT

WNA : Assalamualaikum pakcik.

PR : Waalaikumsalam warahmatullah.

WNA : Pertama sekali boleh pakcik beritahu nama penuh pakcik?

PR : Nama penuh saya Muhammad Razi Bin Che Wil

WNA : Apakah nama gelaran pakcik?

PR : Rozi Kemang Berduri

WNA : Bagaimanakah pakcik Razi mendapat gelaran Rozi Kemang Berduri?

PR : Saya ada satu lagu tu, lagu yang diciptakan oleh arwah Makyeh daripada Thailand pastu saya nyanyi lagu *tu* [itu] tajuk dia Kemang Berduri tajuk dia. Kemang berduri ni [ini] satu sejenis pokok semalu, semalu berduri yang bila kita pijak dia tu [itu], dia akan kembang. Semalu berduri - berduri kalau *klate* [Kelantan] ni [ini] dia panggil kemang berduri. *Kemey* [kemang] berduri. Mengisahkan tentang nasib saya ni *srupo* [serupa] *denga* [dengan] pokok kemang berduri tu lah. Maknanya dia duduk rendah pada [daripada] *ore* [orang], selalu di pijak, pijak, pijak, pijak, pijak [pengulangan kata] tapi dia berduri. Itulah kisah dia. Nama tu diberikan oleh Saudara Nor Jaapa seorang dj RTM dulu di Radio Malaysia Kelantan.

WNA : Selain daripada Rozi Kemang Berduri, apakah nama gelaran lain untuk nama pakcik?

PR : Takde dah. Kalau sebut Rozi Kemang Berduri ni semua orang tau [tahu]. Semua orang tau Rozi Kemang berduri. Semua orang tau [tahu].

WNA : Berapa umur pakcik sekarang?

PR : Tahun 71 [1971] bermaknanya 50 - 51 [51 tahun], 51 [51 tahun].

WNA : Bilakah tarikh lahir pakcik?

PR : *Tuo [tua] doh [dah] ni. [ini]*

WNA : Bilakah tarikh lahir pakcik?

PR : Tarikh lahir? *Sudoh* [sudah] tak [tidak] ingat la - [bunyi pinggan jatuh] tak ingat tu [itu] tarikh lahir tu [itu].

WNA : Tak ingat takpe [tidak mengapa].

PR : Tak ingat tak ingat.

WNA : Dimanakah pakcik dilahirkan?

PR : Saya dilahirkan di Setiu Terengganu. IC [kad identiti] pon sebelas [11]. Setiu Terengganu dibesarkan di balik di *Kelantey* [Kelantan] *Umo* [umur] saya *dale* [dalam] tiga dua tahun balik di *Kelantey* [Kelantan]. Dibesarkan di *Kelantey* [Kelantan] *ayoh* [ayah] saya asal orang Melur - Melur Kota Bharu, dia *amik* [ambil] *tanoh* [tanah] di Setiu maka saya dilahirkan di Kampung Gutong [Guntong] Setiu Terengganu.

WNA : Berapa lama pakcik menetap disini?

PR : Sejak *umo* [umur] dua [2] tahun. Bermakna sekarang dah empat puluh sembilan [49] tahun [bunyi ayam berkокok] berada di Kelantan.

WNA : Apakah cita-cita pakcik ketika kecil?

PR : Cita-cita (berdehem) kita tak terfikir sebenarnya nak dikir barat ni [ini] [bunyi pintu] saya ni sebenarnya seorang yang *susoh* [susah] seorang yang *susoh* [susah] daripada *kecik* [kecil] lagi hidup *susoh* [susah] *keluargo* [keluarga] *kito* [kita pon orang *susoh* [susah] [bunyi ayam berkокok] Dulu ada satu kebajikan masyarakat nak *amik* [ambil] *kito* [kita] *gi* [pergi] - - dulu kalau orang-orang dulu *dio wak gi di sekolah* [dia bawak pergi sekolah] cacat penglihatan di Johor Bharu sahaja jadi *ayoh* [ayah] saya *tok wi* [tak bagi] ayah saya tak bagi dia nak pelihara la maknanya dia tak bagi *sekolah dekak* [sekolah dekat] Johor *nuh sana*. Jadi saya *pom* [pon] membesar dengan *caro* [cara] *didikei* [didikan] tu [itu] berdasarkan dengan pengalaman ada ada la kita belajar dengan cikgu di Kota Bharu dulu. Belajar braille huruf braille ye dan kalau *sekolah* [sekolah] formal tu *sekolah* [sekolah] *caro* [cara] *hok* [yang] biasanya *takdok* [tiada] la. Begitu la

WNA : Boleh kami tahu, apakah hobi pakcik pada masa lapang?

PR : Hobi saya? Tu hobi saya tu [itu] (tunjuk ke arah belalang rusa) (berdehem) belalang rusa tu [itu] seni seni la macam - dikir barat macam gendang tradisional ni [ini], wayang kulit. Semua saya *bulih* [boleh] boleh boleh main [bunyi kunci]. Alat-alat tradisional saya suka main dan saya *suko* [suka] kalau *kiro* [kira] hobi banyak la tapi sebahagian *saje* [sahaja] la. Kesenian lah. Bidang kesenian saya suka.

WNA : Apakah pekerjaan yang pakcik lakukan kini?

PR : Saya sekarang ni (berdehem) - *pekerjae* [pekerjaan] selain daripada bergiat dalam bidang seni, kita buat urutan tradisional dan kita *merubat* [berubat] orang yang ada terkena penyakit-penyakit mistik. Tu [itu] lah *keja* [kerja] saya dan ada PA sistem, yang kita *buak* [buat] sewa untuk orang *kawin* [kahwin] tu je [itu sahaja]. PA sistem.

WNA : Dimanakah pakcik bekerja?

PR : Kalau datang rumah, rumah. Kalau suruh *peggi* [pergi] diluar, diluar. Tak tentu, tak tentu. Bila? tak tentu.

WNA : Apakah pekerjaan pakcik ketika muda?

PR : Ketika muda? Ketika muda saya hanya bergiat dalam seni sahaja. Bergiat dalam seni. Dikir barat tu merato-merato tempak [merata tempat] di Kelantan khususnya di Pahang, Johor, Kedah, *semuo* [semua] *kito* [kita] *gi* [pergi] buat persembahan.

WNA : Berapakah bilangan adik beradik pakcik dan pakcik anak keberapa?

PR : Kita enam [6] orang. Satu emak satu bapak enam [6] orang, adik beradik yang tu [itu] ada dua [2] orang. Yang lain bapak. Saya anak yang kedua. *Laki* [lelaki]

dua [2] perempuan empat [4]. Enam [6]. Cukup enam [6]. (berdehem)

WNA : Boleh kami tahu nama ibubapa pakcik?

PR : Nama ibu saya Yah Bin Che Mat - - Binti Che Mat. Bin *pulok* [pulak]. Ayah saya Che Wil Bin Che Mat tapi kalau tengok skali [sekali] macam adik beradik. Bukan. *Ayoh* [ayah] sama-sama, *ayoh ayoh namo samo* [ayah nama sama] tapi bukan. *Ayoh* [ayah] *mok mok* [mak mak] saya asal Tumpat *ayoh sayo* [ayah saya] asal orang Melur dan *ayoh* [ayah] dan ibu *sayo* [saya] bin tu [itu] *serupo* [serupa] nama *serupo* [serupa].

WNA : Ibu dan bapa pakcik berasal dari mana?

PR : Berasal daripada - - ibu berasal dari Tumpat, ayah berasal daripada Kampung Mahligai Melur.

WNA : Adakah mereka masih hidup?

PR : Dia dah meninggal (suara sedih). Dah meninggal *duo-duo* [dua-dua].

WNA : Dimanakah pakcik awal persekolahan pakcik? [bunyi suara budak berdehem]

PR : Saya sekolah di Kota Bharu, saya belajar di rumah sahaja. dari di rumah - - *tu tu wey rumoh tok wey gi tu kei* [itu itu Wan, rumah tempat Wan pergi itu kan] - -

Rumoh pak kito wak recording tu [rumah tempat kita buat recording itu] situ. Disitu, di berek duo belah [dua belas]. Belajar melalui buku dan cikgu ada ajar sampai lah bape taun [berapa tahun] saya belajar? Pahtu [lepas itu] saya cuba buat lagu, saya mula menggubah lagu-lagu, mula membuat lagu dan sampai sekarang saya ada jugok [juga] menciptakan lagu-lagu dikir barat. Sampai sekarang.

WNA : Dimanakah pakcik mendapatkan pendidikan ketika berada di sekolah menengah?

PR : Macam pakcik cakap tadi, pakcik ni takde [tiada] sekolah menengah. Tak ada. Sebabnya pakcik belajar melalui - - pakcik cakap dulu kan pakcik orang susah, jadi bila orang susah pihak kebajikan masyarakat nak amik [ambil] pakcik pergi sekolah tapi mak ayah saya tak bagi jadi saya belajar dan belajar dan terus belajar dengan cikgu-cikgu. Buku-buku braille dibekalkan daripada KL [Kuala Lumpur]. Oleh kerana saya ni [ini] nak sangat pandai, nak sangat ilmu, jadi saya cuba belajar. Alhamdulillah [bunyi angin] sampai sekarang ni - - masa saya belajar tu [itu] takde [tiada] masuk sekolah la, hanya cikgu yang mengajar di rumah sahaja.

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG DIKIR BARAT DAN PENGALAMAN LAGENDA DIKIR BARAT

WNA : Mengenai latar belakang dikir barat dan pengalaman dikir barat, boleh pakcik terangkan apa itu dikir barat?

PR : Dikir barat ni [ini] satu seni yang di - yang berasal daripada barat. *Bukei bukei* [bukan bukan] barat Amerika *bukei* [bukan] ore [orang] putih, barat ni *sebeloh* [ini sebelah] *lik sano, lik sie* [sebelah sana, sebelah siam] *dio panggi lik barat* [dia panggil sebelah barat]. Satu ore [orang] yang bernama Kampung Tapei Cherei [Tapang Cherang] - - Kampung Ta - - *ore klate* [orang Kelantan] panggil Kampong Tapei [Tapang] ataupun Kampung Tapang, Cherang Kota Bharu Kelantan. *Dio pegini di sebeloh* [dia pergi sebelah] Thailand, dia mengambil dikir barat ni daripada Thailand jadi *mari* [datang] di *klate* [Kelantan] ni - jadi dikir barat. Sebab dulu bila sebut Thailand *dio* [dia] panggil *alik* [sebelah] barat *maknonya* [maknanya] *alik nu ah* [sebelah sana la] sebelah Thailand. *Pahtu namo* [lepas itu nama] dige - digelar namo dikir barat itu salah *sor* [satu] salah satu daripada pengertian dikir barat.

WNA : Siapakah yang memulakan nama dikir barat?

PR : Pokleh Tapang *namo dio* [nama dia]. Pokleh Tapang. Pokleh *Tapei* [Tapang]. Dia [Pokleh Tapang] ni dulu daripada - - dia dulu pengasas dikir barat ni *dio* [dia] sebab dia *amik* [ambil] dikir barat daripada Thailand *dio wak mari sini dio* [dia bawa datang sini] namakan dikir *barak* [barat] dan *ore* [orang] yang pertamo [pertama] mengarut dikir barat dan *menjore* [menjuarai] menjuarai - - tok joro [juara] adalah Pokleh Tapei [Tapang]. *Lepah padu tu* [Lepas itu], *kuar* [keluar] Rusuh kelong, *kuar* [keluar] Saleh Jambu, *kuar* [keluar] la Daud Bukit Abau, *kuar* [keluar] Arifin Ana. *Semuo* [semua] tu dah *peggi* [pergi] semua dah.

WNA : Boleh pakcik senaraikan alat-alat muzik yang digunakan dalam dikir barat?

PR : Alat-alat muzik yang digunakan dalam dikir *barak* [barat], rebana ibu, rebana *anok* [anak], canang, gong, marakas ataupun buah rombak yang asalnya - - yang baru ni [ini] timbul tambourine, timbul kesi, yang *lamo ado pak karo* [lama ada empat perkara] saja. *Bana ibu* [rebana ibu], *bana anak* [rebana anak], gong, rebana ibu, rebana anak, gong, canang, romba, marakas. *Limo karo* [lima perkara] saja. Sekarang ni dah - ditokok tambah jadi banyak. Kalau kita dengar dikir barat sekarang ni [ini] dia mula bangun *dio guno* [dia guna] serunai - - tu baru *punya Wey* [punya Wan] (bercakap dengan Pakcik Wan)

WNA : Jadi semasa pakcik membuat persembahan alat apa yang pakcik gunakan?

PR : Rebana

WNA : Rebana sahaja?

PR : Rebana - - *semuo semuo* [semua semua] alat la yang pakcik bil - - pakcik kira tadi - - yang pakcik senaraikan tadi. Rebana ibu, rebana anak, gong, canang, buah apa ni [ini] - - marakas ataupun buah romba. *Limo karo* [lima perkara] tu *kito guno* [kita guna]. Sekarang ni dah - - dah banyak karo doh [perkara dah].

WNA : Berapakah jenis dikir yang terdapat di Malaysia?

PR : Dikir yang terdapat di Malaysia - - kalau dikir barat satu je. Dikir barat satu je. Dia tak - - dia takde banyak dikir. Tapi kalau dik - - dia ada satu - - kalau nak kira dikir barat satu tapi dikir yang ada satu lagi orang *taktau* [tidak tahu] dikir

labo - dikir labo *hok awok* [yang awak] - - nama apa?

WNA : Saya, Athirah.

PR : Athirah tak pernah *tihat* [lihat] - - tak pernah tengok dikir labo *dok* [kan]?

WNA : Tak [tidak].

PR : Ni *namo apo anok ni* [nama apa anak ini]?

WNSA : Syaza

PR : Syaza pernah tengok?

WNSA : Tengok kat youtube.

PR : Youtube? Tengok kumpulan Pokcik Rozi buat dikir labo. Baru-baru ni ada persembahan di KL [Kuala Lumpur] dikir labo. Dio menggunakan kipas - - dia tak - - dia tak gunakan gendang - gunakan kipas sahaja. Kipas.

WNA : Negeri manakah yang bermulanya dikir barat?

PR : Thailand. Thailand tapi di Thailand *dio* [dia] *tok* [tidak] panggil dikir *barak* [barat]. *Dio* [dia] [orang Thailand] panggil dikir hulu. Dikir hulu untuk dikir *barak* [barat] tu [itu] kalau kita *tau* [tahu] macam *mane* [mana] dikir *barak* [barat] *ngan* [dengan] dikir moden. Okay [baiklah]. Dikir barat dio [dia] menggunakan alat-alat muzik yang *pokcik* [pakcik] senaraikan tadi. Kalau dikir moden *dio* [dia] menggunakan muzik sekarang. Faham? Gitar - - semua sekali la. Itu bukan lagu - - itu bukan dikir barat. Itu lagu daerah. Kalau dengar lagu - - sekarang ni lagu tengah popularkan? Ida Ezrin ke apa ke kan? Itu bukan dikir barat, itu lagu daerah. Lagu dikir barat dia menggunakan gendang, gong *semuo* [semua] sekali. Kalau lain daripada tu muzik, dia [orang] tak panggil dikir barat. Dia [orang] panggil lagu daerah. Kalau orang kata dikir barat, itu orang

taktau [tidak tahu] *pasal* [tentang] seni dikir barat. Itulah sebenarnya. Bukan *kate* [kata] lagu - - lagu moden bukan dikir barat, lagu daerah Kelantan.

WNA : Bagaimanakah cara dikir barat mula terkenal di Kelantan?

PR : Disebabkan Pokleh *Tapei* [Tapang] tadi la - - Pokleh Tapang tadi *bawok* [bawak] dikir *barak* [barat] ni datang ke Kelantan daripada setahun ke setahun - - dikir barat tu [itu] di - - di - - diperbaharui melalui lagu, melalui panduan, melalui *apo namo* [apa nama] ni [ini] persembahan, dia di - - diperbaiki, makin - - ia makin cantik dan ramailah orang-orang muda, lapisan muda, lapisan tua, yang berminat tentang dikir barat ni kerana dikir barat tu diambil daripada - - *sano pon* [sana pun] dengan keadaan yang tidak merosakkan, tidak dirosakkan dan dia mempa memperbaharui pon tidak mencacatkan kesenian itu, maka ia tu - - dikir barat itu di minati oleh masyarakat. *Paham* [faham]?

WNA : Kawasan manakah yang paling aktif melakukan persembahan dikir barat di negeri Kelantan?

PR : Kalau sekarang ni kebanyakannya negeri - - kebanyakannya jajahan tu banyak la dikir barat. Tapi kawasan Tumpat ni ada banyak - - kawasan Tumpat ni *memey* [memang] *rama* [ramai] aktif dikir barat ni. Salah satunya kumpulan kita di Kampung Seri Tujuh, Cabang *Pak* [Empat], Morak, Kok Keli, banyak banyak banyak. Jajahan Tumpat ni memang banyak.

WNA : Selain di negeri Kelantan, adakah dikir barat juga popular di negeri lain?

PR : Dikir barat ni popular di negeri-negeri lain tapi telah ditokok tambahkan - - kalau - - bukan setakat di negeri, dikir barat ni [ini] telah dipopular - - popular dikir barat ni sampai kepada Singapore. Sampai dan - - Sampai ke Singapore dan di Singapore diubah menjadi kreatif sebab cara-cara dipaluan *pon* [pun] sama tapi tidak *serupo* [serupa]. Sama tapi tidak serupa. Sebab dia - - dia sudah memperbaharui dah. Saya rasa nanti dah suatu hari seni tu akan hilang saya rasa. Kalau kita tidak jaga maka seni kita akan hilang dapat kepada orang lain akan jadi tak seni dah la.

WNA : **Berapa ahli kumpulan yang diperlukan dalam setiap persembahan dikir barat?**

PR : Ahli kumpulan dia tak tentu. Ada dua puluh [20] orang, dua puluh [20] orang sekali ngan [dengan] *tok joro* [juara], ataupun lima belas [15] orang ataupun dua belas [12] orang, *kito* [kita] *takleh* [tidak boleh] - - dia tak tentu.

WNA : **Adakah dikir barat mempunyai syarat-syarat tertentu untuk seseorang itu menyertai kumpulan dikir barat?**

PR : Oh syarat. Syarat - - Kalau saya *mudoh* [mudah] *je* [sahaja]. Syaratnya disiplin la. Kalau kita buat - - bekerja tidak dengan disiplin semua *keje* [kerja] tak jadi *an* [kan]. Macam Athirah belajar. Athirah kenalah disiplin. Macam Syaz - Syaza belajar mesti kena disiplin kan? Kalau takde disiplin buat apa *pon* [pun] tak jadi. Tak ikut semua makna semua yang ada di muka bumi ni memang ada peraturan tapi kalau kata - - kalau kita tak ikut peraturan-peraturan tu memang kita tak dapat apa yang kita nak.

WNA : Kebiasanya dikir barat ini disertai oleh golongan lelaki sahaja, adakah wanita juga boleh turut serta dalam persesembahan dikir barat?

PR : Boleh boleh boleh tapi kena tok *joro* [juara] ni wanita, *awok-awok* [awak-awak] ni [ini] wanita. Kalau tok *joro* [juara] ni [ini] *laki-laki* [lelaki] kalau perempuan yang mengikut memang tak boleh la *sebak* [sebab] dari segi faktor suara. Suara *laki-laki* [lelaki] lain. Suara perempuan lain gitu.

WNA : Adakah semua lapisan umur boleh turut serta dalam dikir barat?

PR : Boleh boleh boleh. [mengulang perkataan] Daripada umur lapan [8] tahun, sepuluh [10] tahun sampai lah tua (gelak) *semuo* [semua] boleh. *Tak* [tiada] ada masalah.

WNA : Boleh kami tahu, apakah peringkat umur di kebanyakkan dalam kumpulan dikir barat?

PR : Kebanyakkan dikir barat ni dalam usia lima belas [15] laa. *budok -budok* [budak-budak] usia lima belas [15] tahun. Kebanyakkan lima belas [15] tahun la. Pastu lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], tujuh belas [17], lima belas [15], enam belas [16], tujuh belas [17] kalau yang muda-muda. Yang *tuo* [tua] ni ada *jugok* [jugak] tiga puluh [30], empat puluh [40], lima puluh [50] *pon* [pun] ada. Tapi orang tu dah dah masak la dah mahir la.

WNA : Dalam satu kumpulan dikir barat, adakah semua ahli kumpulan

memainkan peranan yang sama?

PR : Setiap orang dalam kumpulan *tu* [itu] ada peranan masing-masing. Kalau *awok-awok* [awak-awak] ni dia - - dia nak jad - - nak berikan sesuatu yang baik la. Berikan sesuatu yang terbaik. Dia punya komitmen semua la. *Die kene* [dia kena] - - *awok-awok* [awak-awak] mesti serasi dengan alat muzik - - alat muzik *tu pon* [pun] - - alat-alat muzik memainkan peranan yang penting. Tapi kalau awok-awok [awak-awak] *tu* [itu] tidak ikut saluran betul maka dia tidak akan jadi dikir *barak* [barat] tu. Dia akan jadi cacamerba. [bunyi orang bersin] Dia akan - - dia tidak akan jadi kese - keserasian maka benda tu tak *sedak* [sedap] la.

WNA : Siapakah yang memainkan peranan penting dalam kumpulan dikir barat?

PR : Tok *joro* [juara] dan tukang karut. Tok *joro* [juara] *hok membawak* [yang membawa] lagu meng menjuarai lagu *ataupon* [ataupun] lagu solo *mulo-mulo* [mula-mula] lepas *tu* [itu] *awok-awok* [awak-awak] *ikuk* [ikut] (berdehem) lepas *tu abih* [habis] tok *joro* [juara] *tu* [itu] tukang karut ni ulas apo [apa] yang isi dalam kata-kata tok *joro* [juara] itu tadi. Perkataan tok *joro* [juara] tadi diulas oleh tukang karut. Kalau tok *joro* [juara] bawak lagu kucing, tukang karut ulas apa itu kucing. Kucing ni dia makan apa, kucing ni dia hidup berapa tahun. Maknanya tukang karut yang ulas semuanya

WNA : Apakah perbezaan antara ahli kumpulan yang memainkan peranan tersebut?

- PR : (berdehem) Beza macam mana?
- WNA : Apakah perbezaan antara ahli kumpulan yang memainkan peranan tersebut?
- PR : [bunyi ayam berkокok] Perbezaan dia - - dia macam - - kalau juara, tok *joro* [juara] tu [itu] (berdehem) tok *joro* [juara] tu *bawok* [bawa] lagu pemuzik haruslah mengikut apa yang di letakkan (simulasi alunan vokal o) apa ni - - oleh tok *joro* [juara] tersebut. Kalau tidak dia akan jadi tak tentu hala. [bunyi ayam berkокok]
- WNA : **Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membuat latihan dikir barat?**
- PR : Kalau *budok-budok* [budak-budak] ni *lambak sikit* [lambat sikit]. Dia nak - - Dia nak betul-betul mahir dalam setahun dia berlatih, setahun baru dia mahir. Dia nak - - nak mencapai suara yang tinggi, dia nak - - nak mencapai keserasian dengan suara dengan alat-alat muzik haa dia lamo sikit [lama sikit] kalau *peringkak* [peringkat] dewasa ni dio *cepak sikit* [dia cepat sikit]
- WNA : **Kebiasaananya, berapa lamakah masa diambil untuk satu-satu persembahan dikir barat?**
- PR : Tak tentu. Kalau persembahan tempat kenduri lama dua [2] jam, tiga [3] jam, kalau persembahan biasa ni lama dua [2] jam, tiga [3] jam. Persembahan aaa di program-program kerajaan lima [5] minit, sepuluh [10] minit, duo [dua] puluh [20] minit, dua [2] minit pon ada. Tak tentu.

WNA : Adakah dikir barat ini boleh dimainkan khusus di majlis-majlis tertentu?

PR : Boleh boleh. Di majlis orang *kawin* [kahwin] boleh, majlis hari jadi boleh, majlis apa-apa *pon* [pun] boleh. Apa-apa sahaja boleh. Asal orang panggil *bereh* [beres].

WNA : Bagaimanakah persembahan dikir barat dipersembahkan? Dari segi suara dan lain-lain?

PR : (berdehem) sekali lagi sekali lagi

WNA : Bagaimanakah persembahan dikir barat dipersembahkan? Dari segi suara dan lain-lain?

PR : Dia *kene* [dia kena] serasi la. *Die kene* [dia kena] serasi [bunyi orang batuk]. Dia kena - - keserasian tu kena ada [bunyi ayam berkокok]. Dari segi suara tok *joro* [juara], dari segi tempo dok [kan]. Nak memulakan tempo tu

WNA : Sebelum memulakan dikir barat, apakah persediaan-persediaan (aktiviti) yang dilakukan oleh ahli kumpulan dikir barat?

PR : Kalau kita pergi di tempat program dia ada - - dia pakai baju seragam. Baju seragam *pahtu* [selepas itu] dia menggunakan - apa tengkolok pakaian tanjak ni [ini] kan. Tu tu [itu itu] untuk - - mengikut kepada program yang dianjurkan. Kalau program biasa, dia pakai baju biasa la. Persediaan awal permulaan baju dan kedua *pulok* [pula] persediaan alat-alat muzik tu [itu] cukup.

WNA : Apakah aktiviti pertama untuk memulakan sesuatu persembahan dikir barat?

PR : Aktiviti *pertamo* [pertama] adalah kita tabuh dulu, tabuh ni dia panggil *bukok* [buka] panggung. Sebelum buat persembahan dia tabuh [buka panggung] dulu. *Lepah pado* [lepas daripada] tabuh [buka panggung] baru *dio* [dia] buat persembahan.

WNA : Apakah aktiviti terakhir yang dilakukan dalam sesuatu persembahan?

PR : Wau *bolei* [bulan]. Bila tamat *joro* [juara] tamat - - tamat menyanyi semua *habih* [habis] *maso* [masa] persembahan tarik (nyanyi lagu wau bulan) tu [itu] *penyudoh dio* [penyudah dia]

WNA : Mengapakah persembahan dikir barat dilakukan secara duduk?

PR : *Kalu* [kalau] dikir barat ni bangun bermakna nya - - dikir barat ni boleh bangun hanya tukang karut sahaja boleh bangun. Tapi sekarang ni tok *joro* [juara] pon bangun. Tukang karut dan penyanyi je bangun. Yang awak-awak mesti duduk. Rebana mesti duduk.

WNA : Adakah bunga tarian yang dilakukan oleh awok-awok mengikut jenis irama tertentu?

PR : *Bungo-bungo* [bunga-bunga] tu kita nak buat macam-macam mana *pon takpe* [pun tidak mengapa]. *Bungo* [bunga] tu *takde* [tiada] masalah. Cuma *bia* [biar] kena dengan iramanya. *Bia* [biar] kena dengan tepukannya (tepkuk tangan).

Jangan tepukan lain, *bungo* [bunga] lain. Dia [dikir barat] nak serasi dengan alat muzik dengan suara dengan *bungo* [bunga] tarian itu. *Dio* [dia] [dikir barat] nak serasi - - *dio* [dia] [dikir barat] taknak macam - jadi macam *huru-haro* [huru-hara] taknak [tidak mahu]. Tak [tidak] cantik lah.

WNA : Sebelum persembahan dilakukan, adakah perlunya sebuah latihan?

PR : Memang perlu. Memang kita perlu latihan supaya persembahan kita tu berjalan dengan lancar. Tidak menjadi haru-biru. Tidak menjadi - - dia dikir *barak* [barat] ni sebenarnya dia agak rumit sikit sebab suara dia bukan macam koir. Kalau koir dia macam (mendemonstrasi nyanyian vocal) dalam ‘a’ tu dia banyak suara. Ne-ga-ra-ku (nyanyi lagu negaraku). Dikir barat ni dia [dikir barat] nak suara tu - nak satu yang kata *duo* [dua] puluh orang tu nak suara tu menjadi satu. Kalu [kalau] ‘a’ ‘o’ (demonstrasi vocal) *tokse* [taknak] ‘a’ ‘o’ (mendarat) taknak. Dia nak bagi satu suara tu ramai-ramai.

WNA : Semasa persembahan dikir barat dilakukan, adakah memerlukan tempat atau pentas yang khusus?

PR : Tak *jugak* [juga]. Ikut program la. *Kalu* [kalau] program tu [itu] menggunakan pentas, pentas la, *kalu* [kalau] program tu [itu] menggunakan santai, santai la.

WNSA : Apakah yang membezakan dikir barat dan dikir labo?

PR : Dikir barat *dio* [dia] menggunakan rebana dan seluruh alat muzik yang sama waktu dengannya. Dikir labo hanya menggunakan kipas *kecik* [kecil] sahaja dan

dikir labo ni [ini] *ado* [ada] *setengoh* [setengah] bangun *ado setengoh* [ada setengah] duduk. Dikir *barak* [barat] ni semuo [semua] duduk. Itu perbezaan dia.

WNSA : Apakah persamaan dikir barat dan dikir labo?

PR : Dikir *barak* [barat] dia [dikir barat] menggunakan bahasa melayu, dikir labo *dio* [dia] [dikir labo] menggunakan bahasa Parsi ‘wow ya do ja re la e e la thol mu ki ro wa ya si ga’ itu *bahaso* [bahasa] Parsi *lamo* [lama].

WNSA : Pada waktu bilakah dikir barat sering dipersembahkan?

PR : Pada waktu-waktu majlis yang - yang dipanggil. Waktu majlis. Pagi ya, tengahari ya, petang biasa malam la. Dio [dia] [waktu persembahan] ada *jugok* [juga] tengahari, *ado jugok* [ada juga] pagi, petang ada. Tapi kebanyakan malam.

WNSA : Adakah persembahan terjejas sekiranya salah seorang ahli tidak dapat menghadirkan diri?

PR : Tidak tidak tidak [mengulang perkataan] terjejas. Tapi kalau satu alat muzik *takde* [tiada] terjejas lah. Contohnya *takde* [tiada] gong. Terjejas la. *Takleh nak wak* [tidak boleh buat]. Kalau *awok-awok sore duo takdok takpo* [awak-awak seorang dua tidak mengapa]

WNSA : Apakah objektif ataupun tujuan setiap kali dikir barat dipersembahkan?

PR : Tujuannya adalah untuk memeriahkan suasana, untuk merapatkan silaturrahim.
Untuk untuk untuk [mengulang perkataan] *blako semuo* [semua].

WNSA : Adakah dikir barat dikategorikan sebagai aktiviti kebudayaan?

PR : Memang la. Dikir barat dan kebudayaan Kelantan ataupun kebudayaan melayu yang diwarisi oleh datuk nenek kita di zaman-zaman dulu sampai sekarang.

WNSA : Apakah kandungan lagu dalam dikir barat?

PR : Ada lagu berbentuk nasihat, ada lagu berbentuk kemasyarakatan, ada lagu berbentuk percintaan [suara budak] ada macam-macam.

WNSA : Berapakah durasi untuk sebuah lagu dikir barat?

PR : Banyak lah. Banyak banyak. Banyak.

WNSA : Ada berapakah jenis lagu yang sering dipersembahkan dalam dikir barat?

PR : Tak [tidak] tentu la kalau setiap persembahan dikir barat tu kebanyakan kita - - tiga - - tiga lagu - - lagu *joro* [juara], kadang-kadang duo [dua] lagu. Lagu *joro* [juara] pahtu terus dengan *ngaroh* [mengarah] terus dengan nyanyi. Kadang-

kadang *duo* [dua] lagu *joro* [juara]. Kadang-kadang *tigo* [tiga]. *Kade-kade kalu duo kumpule* [kadang-kadang kalau dua kumpulan], *duo* [dua] lagu, sebeloh ni *duo* [sebelah ini dua] lagu (tunjuk sebelah kiri) *sebeloh* ni *duo* [sebelah ini dua] lagu (tunjuk sebelah kanan) maknanya empat lagu. *Gitu*. [begitu]

WNSA : Irama yang selalu dimainkan ketika membuat persembahan dikir barat?

PR : Ada mace-mace irama. Ada irama hindustan, ada irama klasik, ada irama *mok* [mak] yong, macam-macam.

WNSA : Adakah setiap lagu mempunyai hak cipta?

PR : Ada. - - - [bunyi telefon]

WNSA : Adakah dikir barat mempunyai genre yang tertentu dalam lagunya?

PR : Macam mana genre tu [itu]?

WNA : Genre tu [itu] macam laju ke slow ke.

PR : Laju, tempo?

WNA : Pop ke.

PR : Kita boleh buat *mace-mace* [macam-macam]. Ada yang rentak laju, ada yang slow, ada yang boleh buat lagu pop. Boleh, balada *mace-mace* [macam-macam]. *Cumo* [Cuma] jangan merosakkan dikir barat tulah [itulah].

WNSA : Bolehkah lagu dipinjam oleh kumpulan lain?

PR : Boleh, *takdok* [tiada] masalah.

WNSA : Adakah lagu yang dinyanyikan mempunyai pengajarannya yang tersendiri?

PR : Ada lagu nasihat - lagu berunsur nasihat tu [itu] lagu berunsur - kemasyarakatan, ada lagu berunsur tentang jiwa, ada lagu berunsur tentang - kemanusiaan, *ado mace-mace* [ada macam- macam].

WNSA : Berapakah kadar bayaran yang diperlukan untuk kumpulan mempersembahkan dikir barat?

PR : Bayaran dalam persembahan tu [itu] ada lima [5] ratus, [bunyi kertas] ada tujuh [7] ratus, ada seribu [1000], ada empat [4] ribu. Paling jauh empat ribu [4000]

WNSA : Berapakah bajet yang diperlukan untuk membuat [bunyi orang batuk] persembahan?

PR : Bajet - - orang yang memanggil ke macam mana?

WNA : Bajet kita sendiri

WNSA : Ha [mengiyakan]

PR : Bajet kita sendiri - - *takdok* [tiada] *kalu nga keto tu minyok keto mulo-mulo nok bubuh* [kalau dengan kereta itu minyak kereta mula-mula nak diisi] (ketawa). *Adolah dale* [adalah dalam] - *kalu tigo buah keto tu ukurey* [kalau tiga buah kereta itu ukuran] jauh dekat. Biasanya *kalu tigo buah kereto tu ado* [kalau tiga buah kereta itu ada] seratus permulaan - - empat [4] *buoh* [buah] [suara budak]

WNSA : Mengenai pengalaman dalam dikir barat, sejak bilakah wujudnya minat berdikir barat?

PR : [Bunyi tepukan di paha] Pakcik minat dikir barat ni [ini] umur *pokcik kecik* [pakcik kecil] lagi. Tujuh [7] tahun *lapey* [lapan] [8] tahun tu [itu] *pokcik* [pakcik] minat *doh* [doh] pokcik [pakcik] dah berdikir dah masa tu [itu] - dah buat dikir barat dah.

WNSA : Bagaimanakah pakcik boleh mula bergiat dalam bidang dikir barat?

PR : Minat - minat (berdehem) kita minat daripada *kecik dey* [kecil dan] - - dulu-dulu mok ayoh sayo [mak ayah saya] - *terutamo* [terutama] sekali *mok la ayoh takpo* [mak lah ayah tidak mengapa] *mok tokwi sayo* [mak tak bagi saya] berdikir barat - Dia [mak tokoh] tak bagi, *lepas pada tu dia nampok sayo doh*

[selepas pada itu dia nampak saya dah] bergiat *nampok aktif nampok berjaya doh sayo dale* [nampak aktif nampak berjaya dah saya dalam] seni dikir barat ni [ini], maka dia [mak tokoh] membenarkan [bunyi ayam berkокok] *dio tok maroh* [dia tak marah].

WNSA : Adakah dikir barat ini turun temurun daripada keluarga pakcik?

PR : Turun temurun - *ayoh sayo* [ayah saya] pun dikir barat, *keluargo alik ayoh sayo* [keluarga sebelah ayah saya] dikir barat, *keluargo alik mok* [keluarga sebelah mak] saya dikir barat. Jadi turun temurun [bunyi tepukan di paha].

WNSA : [Bunyi orang batuk] Adakah ibubapa pakcik memberi sokongan kepada pakcik untuk [bunyi orang berdehem] bergiat dalam dikir barat?

PR : Memang dia [mak ayah tokoh] bagi sokongan, dia [mak ayah tokoh] bagi galakan [bunyi tepukan paha] untuk saya buat. Dia kata “Nak buat, buat betul-betul, kalau nak main-main dia *tokwi* [tak bagi]”. Jadi sayo [saya] menggunakan kesempatan yang telah diberikan oleh *keduo ibu bapo sayo* [kedua ibu bapa saya] [bunyi ayam berkокok] *sayo* [saya] gunakan sebaik-baik mungkin.

WNSA : Adakah dikir barat ini adalah salah satu hobi pakcik ketika masa lapang?

PR : Hobi *kito meme* [kita memang] menyanyi. Dikir barat tu [itu] meme [bunyi tidak dapat dikenal pasti] *duk* [duduk] di bibir mulut *kito* [kita], meniti di mulut *kito sokmo* [kita selalu].

WNSA : Siapakah idola pakcik secara umum?

PR : Idola *sayo* [saya] Daud Bukit Aba [Abal]. *Arwoh* [Arwah] Daud Bukit Aba [Abal] *tulah* [itulah] idola *sayo* [saya] yang paling *sayo* [saya] minat sekali - yang paling *sayo* [saya] minat Daud Bukit Aba [Abal] *kalu tok jogho* [kalau tok juara]. *Kalu tuke karut sayo* [kalau tukang karut saya] minat Semey Wau Bule [Seman Wau Bulan], Matyeh, *dea* [dan] beberapa orang lagi [bunyi kertas diselak].

WNSA : Pernahkah pakcik bekerjasama dengan beliau?

PR : Pernah - *banyak* [banyak] kali [bunyi kertas diselak] - *semaso* [semasa] dia [Daud Bukit Abal] hidup lah [bunyi kertas diselak serta ayam berkokok] *dia mati nok wak kerjasamo apo lagi dok* [dia meninggal nak buat kerjasama apa lagi kan] (ketawa) [bunyi tepukan paha].

WNSA : Siapakah yang mula memberikan dorongan kepada pakcik untuk

menceburi bidang ini?

PR : Kawan-kawan lepas tu [itu] orang-orang tua di kampung. Dio [dia] [orang-orang tua di kampung] *kato* [berkata]. “*Kalu nok* [Kalau nak] buat, buat betul-betul *jange* [jangan] main-main” [bunyi ayam berkокok] - “*Kalu nok* [Kalau nak] belajar, belajar betul-betul, *jange* [jangan] main-main, *jange sekerat jale* [jangan separuh jalan] - *kalu nok* [kalau nak] belajar *ugamo* [Agama], belajar betul-betul. *Nok* [Nak] belajar dikir barat belajar betul-betul”.

WNSA : Kenapa pakcik mengidolakan beliau?

PR : *Pertamo* [Pertama] sekali lagu dia [Daud Bukit Abal] Lagu dia [Daud Bukit Abal] memberikan pengertian lagu dia [Daud Bukit Abal] banyak memberikan pengajaran. Yang *keduo solo dio tu* [kedua suara dia itu] - dea [dan] yang *ketigo* [ketiga] pantun rima - - Dikir barat ni *sebenarnyo* [ini sebenarnya] pantun - cubo [cuba] kalau Syaza ataupun Athirah pernah dengar lagu dikir barat dia kata pantun pantun “Sememangnya indah hidup bercinta [bunyi ayam berkокok] tapi tak [tidak] semudah apa yang dikata. Terkadang kala jiwa terseksa. Menahan resah bahan asrama”. Itu pantun.

WNSA : Sudah berapa lama pakcik menceburi bidang ini?

PR : Daripada umur 8 tahun - sampai sekarang tak [tidak] tahu *berapa lamo* [berapa

lama].

WNSA : Apakah peranan pakcik dalam dikir barat? Adakah dalam nyanyian ataupun pemuzik?

PR : Pemuzik pun boleh, juara pun boleh, nyanyi pun boleh, tukang karut pun boleh.

WNSA : Adakah pakcik Tok Juara atau Tukang karut?

PR : Tok Jogho - kena faham tu *tok jogho* tu [itu tok juara itu]. Juara dia panggil, juaranya ialah [bunyi ayam berkокok] bukan johan - Tok jogho - dikir barat dia panggil juaranya Rozi Kemang Berduri, bukan juara ni [ini] macam bukan dapat tempat pertamo [pertama] - kena faham - Juara Setengah panggil *tok jogho* [tok juara]. *Tok Jogho* ni [Tok juara ini] penyanyi solo mula-mula - sebelum *pado awok-awok* tu [pada awak-awak itu] ikut, *dio* [dia] [Tok Juara] buat *mulo-mulo* [mula-mula].

WNSA : Mengapakah pakcik memilih untuk menjadi Tok Juara berbanding Tukang karut? [bunyi ayam berkокok]

PR : (Berdehem) *tok jogho* ni [tok juara ini] dia *mudoh* [mudah] sikit. Tukang karut ni *payoh* [ini susah] sikit. Sebab kami tidak menghafal, kami mengikut pada

sebutan rima pantun orang sebut tu, kita lukis. Orang ni [ini] eja kita pukul - S-A-Y-A *hokni* [yang ini] saya eja - Orang *tu* [itu] eja saya pukul "saya" - tukang karut macam tu [itu] - - gitu [begitu].

WNSA : Apakah perbezaan diantara Tok Juara dan Tukang karut?

PR : *Tok jogho* [Tok Juara] perbezaan dia - mulo-mulo *dio* [dia] [Tok Juara] persembahan tu [itu] *tok jogho* [tok juara] yang *mulo-mulo* [mula-mula] [bunyi ayam berkokok] *lepas padō tok jogho* tu [selepas pada tok Juara itu] baru tukang karut [bunyi tepukan paha].

WNSA : Adakah pakcik juga merupakan penulis lirik untuk lagu dikir barat?

[bunyi datang dari dapur]

PR : *Ado jugok* [Ada juga].

WNSA : Bagaimanakah pakcik terinspirasi untuk membuat lagu?

PR : Mengikut *maso-maso* [masa- masa] tertentulah [bunyi cawan] - *maso maso* [masa masa] - - *ado lagu ni kito tok* [ada lagu ini kita tidak] boleh nak - *kalu dio nok keluar dio tok kiro maso* [kalau dia nak keluar dia tak kira masa] - *dio nok* [dia nak] keluar, *dio* [dia] keluar *kito* [kita] pun *record* [rakam] dulu - kalau

kito dok [kita tidak] *record* [rakam] *hile* [hilang] - *tok kiro maso kito nok tido ko* [tidak kira masa kita nak tidur ke] [bunyi ayam berkокok] *maso kito duk jale kaki ko* [masa kita duduk seorang ke] - *Maso kito duk* [masa kita duduk] - *sore-sore ko kebanyakkea sore-sore* [seorang - seorang ke kebanyakkan seorang-seorang] lah . *Kito duk* [Kita duduk] mengenang saat-saat *bersamomu* [bersamamu] - - Aduuuu [nada seronok] - Saat-saat *bersamo* [bersama] kekasih - saat-saat *bersamo gewe* [bersama kekasih] dulu. Saat-saat *kito* [kita] sedih. Maka keluarlah lagu “Sesudah malam siang pun tiba, tenggelam impian timbul yang nyata” - - Aduuuu [nada seronok].

WNSA : Bilakah pakcik mula dikenali [bunyi tepukan paha] ramai?

PR : Pakcik ni [ini] - - tahun 90-an [1990 an] - hujung tahun sembilan puluh enam [1996] pakcik mula-mula dah naik dah. *Mulo* [mula] buat lagu, *mulo* [mula] aktif - - Dulu pakcik pemuzik - - *mulo-mulo* [mula-mula] *pokcik jogho* [pakcik tok juara] - *Tok jogho* [Tok Juara] *lepas pads tu breti jogho* [selepas pada itu berhenti tok juara] kejap pakcik belajar muzik - main muzik - - Tokwea [Pakcik Wan] tahu - - Main muzik *lepas pads tu pokcik masuk ko arena tok jogho semula* [selepas pada itu pakcik masuk ke arena Tok Juara kembali] - - *Pokcik kurang doh la* [Pakcik kurang dah la] muzik. Bagi orang lain *pulok* [pula] [bunyi tepukan paha].

WNSA : Adakah pakcik boleh bermain alatan muzik dikir barat?

PR : InshaAllah [Jika Allah menghendaki] *buleh* [boleh] - *buleh* [boleh] main rebana - *buleh* [boleh] main gong, *buleh* [boleh] main romba [alat muzik dikir barat] - *buleh* [boleh] main macam-macam dalam dikir barat tu [itu] *sayo buleh main semo* [saya boleh main semua].

WNSA : Siapakah yang mengajar pakcik bermain alat dikir barat?

PR : *Takdok belaja* [Tidak belajar] - - Saya *suko* [suka] meniru - *Dea selepas pado sayo dewaso* [Dan selepas pada saya dewasa] *sayo ado ambik* [saya ada ambil] sikit ilmu dengan Poksu Agi, *seorang tuke rebano* [seorang tukang rebana] yang veteran dan yang - - [bunyi tepukan paha] *Kito belaja nga dio tu kito panda doh cumo* [Kita belajar dengan dia itu kita pandai dah cuma] kita betul - memperbetulkan apa yang tak betul.

WNSA : Dimanakah tempat mula-mula pakcik melakukan persembahan dikir barat?

PR : *Tok* [Tak] ingat tu [itu] - - *kalu mulo-mulo pokcik belaja* [kalau mula- mula pakcik belajar] di kampung *pokcik* [pakcik] Kok Keli - *kalu* [kalau] buat persembahan tu [itu] - *tok* [tak] ingat *doh* [dah] - Beribu kali, beratus ratus ratus ratus [mengulang perkataan] - - tak ingat.

WNSA : Adakah pakcik menganggotai sebuah kumpulan dikir barat?

PR : (Berdehem) *kalu nok kiro banyak* [kalau nak kira banyak] kumpulan *pokcik* [pakcik] dulu - tapi sekarang ni [ini] pakcik - kumpulan pakcik kumpulan Seri Remaja Kok Keli [nama kumpulan diki barat] masih ada lagi. Kumpulan tu [itu] ditubuhkan dalam tahun 2003 sampai sekarang ada lagi tahun 2023 [bunyi alunan ayat Al - Quran]. Maknanya 20 tahun. Masih lagi ado [ada] [bunyi tepukan paha].

WNSA : Adakah pakcik sedang melatih pelapis untuk dikir barat kumpulan pakcik?

PR : *Meme- meme* [Memang- memang] *ado ado ado* [ada ada ada] [mengulang perkataan]. *Ado banyak* [Ada banyak] lapis - Tu tu tu [itu itu itu] (menunjukkan kepada sekumpulan pelapis baharu) yang - (berdehem) yang pelapis-pelapis tu [tu] *ado* [ada] [bunyi tepukan paha].

WNSA : Adakah pakcik mempunyai laman sosial seperti Facebook [suara orang]?

PR : Ada. Facebook ada, Youtube ada, TikTok pun ada. *Hok mano tok* [yang mana tak] *follow* [mengikuti] lagi tu [itu] *follow follow follow* [mengikuti mengikuti]

mengikuti] - Rozi Kemang Berduri dua [2] *follow follow* [mengikuti mengikuti
- Nanti *follow* [mengikuti] [bunyi tepukan paha]

WNSA : Bagaimanakah pakcik berhubung dengan peminat-peminat pakcik [bunyi alunan Ayat Al- Quran]?

PR : Melalui *Tiktok* [Media Sosial] - melalui video-video melalui *live* [langsung] -- Banyaklah.

WNSA : Sebelum ini pernahkah pakcik ditemu ramah oleh pihak media ataupun pelajar?

PR : *Banyak* [Banyak - *wak* [buat] dokumentari pun *ado* [ada] - *banyak* [banyak] Astro [Rancangan Televisyen] pun *maghi* [datang] *Sport Check in Check Out* [Rancangan Television] dulu - Macam macam *ado*. [ada] [bunyi alunan Ayat AlQuran serta kertas diselak].

BAHAGIAN 3: PANDANGAN SEORANG LAGENDA PENGGIAT SENI DIKIR BARAT

WNSA : [Bunyi kertas diselak] Mengenai pandangan seorang lagenda penggiat seni dikir barat. Pada pandangan pakcik apakah keistimewaan yang ada pada

dikir barat?

PR : Dikir Barat ni [ini] merupakan seni yang paling unik sekali di - di Malaysia - - Takdok [tiada] - - [bunyi alunan Ayat Al- Quran] Dia [Dikir Barat] mempunyai keistimewaan yang tersendiri - Dia [Dikir Barat] mempunyai kelembutan [bunyi kambing]. Dia [Dikir Barat] mempunyai [bunyi benda jatuh] - - mudah difahami untuk kita sampaikan mesej-mesej kepada masyarakat dan semua jenis.

WNSA : Dari segi manakah keunikkan dikir barat ini dikenal pasti? [Bunyi alunan ayat Al-Quran]

PR : [Bunyi alunan ayat Al-Quran] Dari segi muziknya, dari segi alunan lagunya - dari segi persembahannya.

WNSA : [Bunyi alunan ayat Al-Quran] Apakah keunikan dan keistimewaan dikir barat yang tiada pada dikir lain?

PR : Yang tiada pada dikir lain, keistimewaan dia yang takdok pada bendo-bendo [tiada pada benda-benda] lain? [mengulang soalan]

WNSA : Ya

PR : Sebab bendo [benda] lain takdok rebano [tiada rebana] [Bunyi alunan ayat Al-Quran]. Kalau rebano [rebana] kompong macam tu - - Dikir Barat ni dio keistimewaan dio [dia keistimewaan dia] tersendiri - maknonyo bendo [maknanya benda] tu [itu] lahir daripada kelembutan seseorang yang membawo

[membawa] lagu tersebut - seseorang yang memainkan muzik tersebut. [Bunyi alunan ayat Al-Quran] sebab kita dalam seni ni [ini] kita berdikir kita menyanyi dengan jiwo [jiwa]. Kita bukan sekadar kita menyanyi terlaung-laung - macam tu [itu] je [saja] - kita menggunakan jiwa. Sebab tu [itu] saya bila saya nyanyi kadang-kadang saya rasa saya ni [ini] lagu tu [itu] masuk dalam jiwa dalam jiwa kita - - Apa-apa yang kita nak buat, kita mesti ikhlas dan mesti buat dengan jiwa kita - Jangan buat dengan - tanpa jiwa maknonyo [maknanya] lagu tu [itu] tok [tak] hidup.

WNSA : [suara orang] Apakah keunikan dan keistimewaan dikir barat ini menjadi punca ianya masih dikenali ramai sehingga generasi sekarang?

PR : Puncanyo [Puncanya] adalah lagu - yang digubah oleh - orang-orang lama, orang-orang baru yang membuatkan lagu itu jadi popular [terkenal] kerano [kerana] kadang-kadang ia seni kato [kata] lagu tu [itu] [bunyi tepukan paha] buatkan orang suka [suka] dan irama berbezo- bezo [berbeza- beza]. Itu yang dikir barat ini dapat bertahan - dengan lebih lamo [lama] - tamboh-tamboh [Tambah-tambah] penyanyi dio [dia] handsome [kacak] pulok [pula] - Lagilah terkenal [bunyi tepukan paha].

WNSA : Pada pandangan pakcik, dengan adanya keunikan dan keistimewaan dikir

barat tersebut adakah ianya mampu berkembang ke peringat antarabangsa?

PR : Memang - Memang - boleh berkembang - Mungkin - Sebab dikir barat ni [ini] bukan setakat di Malaysia, di Singapore [Singapura] pun ado [ada] - di - kalau di Malaysia Sabah Sarawak pun ada. Di Singapore [Singapura] banyak kumpulan- kumpulan dikir barat yang telah mengambil Dikir barat di Negeri Kelantan bawok [bawa] balik ke Singapore [Singapura] dan digubah [digubah] sikit sikit sikit [mengulang perkataan].

WNSA : Pada pandangan pакcik, adakah dikir barat mempunyai persaingannya yang tersendiri?

PR : Memang - ada persaingan - - mengikut pada persembahan masing masinglah - - kalau orang tu [itu] dikenali ramai - kalau kita ni [ini] [bunyi tepukan paha] orang-orang baru memang susah nak challenge [cabar] orang-orang lama orang tak kan panggil kita, orang akan panggil orang-orang yang popular [terkenal] [bunyi tepukan paha] tu [itu] persaingan dia. Dikir barat ni [ini] sebenarnya macam produk - produk - kalau produk kita baik maka orang akan beli. Betul dok? [Tak] - kalau produk kita tak baik, kita buatlah macam mana pun orang takkan beli sebab orang tahu produk ni tak cantik, tak elok, tak baik. Jadi orang akan cari yang baik. Orang akan cari yang berkualiti.

WNA : [bunyi tepukan paha] Apakah kenangan manis sepanjang pakcik memberikan sumbangan ketika menceburい bidang dikir barat?

PR : Kenangan manis [mengulang soalan] - banyok [banyak] - - ‘Kenangan bersamamu kasih’ (bernyanyi) - - Banyak [banyak] la - saya pun tokleh [tidak boleh] nak cerito [cerita] sebab banyok dooh [banyak sangat]. Kenangan manis pun ado [ada], kenangan pahit pun ado [ada] suko [suka] pun ado[ada] duko [duka] pun ado [ada] [diselangi dengan bunyi tepukan paha] - - banyak.

WNA : Apakah kenangan mencabar sepanjang pakcik memberikan sumbangan ketika menceburい bidang dikir barat [bunyi alunan ayat Al-Quran]?

